

TRANSAKSI HARAM

Transaksi  
Haram Dalam  
Mata Wang Asing

Program pendidikan pengguna oleh:



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

1	Pengenalan	9	Tindakan ke atas pedagang haram mata wang asing
2	Pengiriman wang ke luar negara melalui ejen tidak sah Apakah yang dimaksudkan dengan pengiriman wang	10	Soalan yang sering ditanya
3	Pengiriman wang tidak sah	12	Glosari
4	Bagaimana untuk melaporkan kegiatan pengiriman wang tidak sah Tindakan ke atas ejen pengiriman wang tidak sah Berdagang dalam mata wang asing		
5	Keperluan mata wang asing Berdagang dalam mata wang asing oleh seseorang yang tidak diberi kuasa adalah menyalahi undang-undang		
6	Sindiket dagangan haram mata wang asing Amaran bagi pencari kerja Bagaimana untuk mengesan pengendali haram		
7	Amaran untuk pelabur		
8	Bagaimana untuk melaporkan sindiket dagangan haram mata wang asing		

**Penafian**

Dokumen ini diterbitkan untuk maklumat am anda sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau maklumat lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai alternatif kepada nasihat guaman.

Tarikh: 21 Januari 2003



PERTUKARAN  
WANG ASING

Meningkatkan kesedaran  
orang ramai terhadap  
**bahaya** melibatkan  
diri dalam kegiatan  
perbankan haram

## Pengenalan

Tujuan buku kecil ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap bahaya melibatkan diri dalam kegiatan haram, khususnya mengenai:

- A. Pengiriman wang ke luar negara melalui ejen tidak sah
- B. Berdagang dalam mata wang asing

## A. PENGIRIMAN WANG KE LUAR NEGARA MELALUI EJEN TIDAK SAH

Sekiranya anda ingin mengirim wang ke luar negara, sama ada bagi pihak diri anda sendiri atau orang lain, jangan gunakan ejen pengiriman yang tidak sah. Wang anda mungkin tidak sampai ke destinasiya. Gunakanlah ejen pengiriman yang dibenarkan seperti melalui sebuah bank sebagai langkah keselamatan.

## APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PENGIRIMAN WANG

Pengiriman wang adalah pembayaran yang dibuat kepada seseorang yang berada di luar negara. Ini termasuklah penghantaran wang kepada anak-anak yang sedang belajar di luar negara, pengiriman wang oleh pekerja asing kepada keluarga mereka di negara asal masing-masing atau pembayaran yang dibuat untuk mengimport barangan dan perkhidmatan.



Pengiriman wang ke luar negara hanya boleh dilakukan melalui peniaga mata wang yang diberi kuasa atau syarikat-syarikat yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia, iaitu:

- Bank-bank perdagangan
- Bank Islam Malaysia Berhad
- Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Pos Malaysia Berhad
- Bank Simpanan Nasional

Hanya pihak-pihak di atas sahaja dibenarkan untuk mengirim wang ke luar negara bagi pihak orang awam, pengimport, pengeksport atau pelabur. Memandangkan peniaga mata wang tersebut hanya berurusan dengan ejen-ejen berlesen di negara penerima, mereka boleh memastikan wang yang dihantar sampai ke destinasiya.



Sekiranya anda ingin mengirim wang ke luar negara, jangan menggunakan ejen pengiriman yang **tidak sah**

#### **PENGIRIMAN WANG TIDAK SAH**

Pengiriman wang tidak sah ialah penghantaran wang ke luar negara melalui syarikat yang tidak dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menjalankan perniagaan sedemikian. Jika anda menggunakan khidmat ejen tidak sah ini, tiada jaminan bahawa wang akan dikembalikan. Sifat umum ejen pengiriman wang tidak sah ialah seperti berikut:

- Mereka biasanya beroperasi secara kecil-kecilan

# Bank Negara Malaysia

sentiasa memantau  
maklum balas dan  
laporan mengenai  
kegiatan pengiriman  
wang tidak sah

- Mereka mendakwa mampu memberi perkhidmatan pengiriman wang dengan cepat tanpa perlu mengemukakan sebarang dokumen atau bukti pengenalan diri
- Mereka jarang menggunakan dokumen untuk membenarkan dan mengesahkan sesuatu urus niaga

## **BAGAIMANA UNTUK MELAPORKAN KEGIATAN PENGIRIMAN WANG TIDAK SAH**

Sekiranya anda mengesyaki seseorang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan pengiriman wang ke luar negara secara tidak sah, anda boleh melaporkannya ke Bank Negara Malaysia di alamat berikut:

Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing  
Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur

No. Telefon: 03-2698 8044  
samb. 8211 / 8233

No. Faksimili: 03-2691 3266

## **TINDAKAN KE ATAS EJEN PENGIRIMAN WANG TIDAK SAH**

Bank Negara Malaysia sentiasa memantau maklum balas dan laporan orang awam mengenai kegiatan pengiriman wang tidak sah di Malaysia. Unit Penyiasatan Bank Negara Malaysia membuat serbuan dari masa ke semasa ke atas ejen yang disyaki menyediakan khidmat pengiriman wang tidak sah. Wang yang disita dalam serbuan akan dirampas manakala pengendalinya akan dihukum mengikut saluran undang-undang.

## **B. BERDAGANG DALAM MATA WANG ASING**

Jika anda mempunyai wang untuk dilaburkan, melaburlah dengan bijak supaya wang anda selamat. Elakkan diri anda daripada ditipu, dipujuk atau dipaksa untuk melabur wang hasil penat lelah anda ke dalam pelaburan yang menjanjikan pulangan yang besar dalam tempoh yang singkat seperti sindiket

dagangan haram mata wang asing. Anda akan kehilangan semua wang anda!

Jadilah seorang yang bijak. Simpanlah hasil penat lelah anda dalam pelaburan yang dikawal selia oleh Kerajaan. Tidurlah dengan nyenyak dan nikmatilah persaraan anda.

### **KEPERLUAN MATA WANG ASING**

Wang kertas dan duit syiling dalam mata wang asing selalunya diperlukan apabila anda berkunjung ke negara luar. Pengimport dan pengekspor memerlukan mata wang asing bagi tujuan membuat pembayaran ke atas barangan yang diimport atau lain-lain urusan niaga. Keperluan mata wang asing ini hanya dapat dipenuhi oleh pengurup wang berlesen dan peniaga mata wang asing yang diberi kuasa. Peniaga mata wang asing yang diberi kuasa adalah terdiri daripada:

- Bank-bank perdagangan
- Bank Islam Malaysia Berhad
- Bank Muamalat Malaysia Berhad

### **BERDAGANG DALAM MATA WANG ASING OLEH SESEORANG YANG TIDAK DIBERI KUASA ADALAH MENYALAH UNDANG-UNDANG**

Di Malaysia, semua urusan di dalam mata wang asing mesti dibuat dengan atau melalui peniaga mata wang asing yang diberi kuasa. Seseorang (individu atau syarikat) yang bukan peniaga mata wang asing yang diberi kuasa tidak dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan atau berdagang dalam mata wang asing.

Berdagang dalam mata wang asing ialah aktiviti pelaburan dalam mata wang asing dengan tujuan untuk mendapat pulangan yang tinggi daripada pergerakan kadar tukaran mata wang asing. Oleh itu, jika anda diajak untuk melabur wang anda dalam mata wang asing, tidak syaklah ia adalah satu sindiket dagangan haram mata wang asing.



## SINDIKET DAGANGAN HARAM MATA WANG ASING

Ramai rakyat di negara ini yang telah tertipu oleh sindiket dagangan haram mata wang asing dan akibatnya, mereka kehilangan berjuta-juta ringgit. Sindiket sedemikian selalunya dikendalikan oleh syarikat-syarikat yang beroperasi secara tidak sah. Pengendali haram ini biasanya mensasarkan golongan pencari kerja dan para pelabur yang inginkan keuntungan cepat ke atas pelaburan mereka sebagai mangsa.

## AMARAN BAGI PENCARI KERJA

Jangan bersubahat membantu pengendali haram untuk menipu orang ramai. Semak dengan Bank Negara Malaysia sebelum menerima sesuatu tawaran pekerjaan daripada syarikat sedemikian.

## BAGAIMANA UNTUK MENGESAN PENGENDALI HARAM

Pengendali atau syarikat yang beroperasi secara tidak sah ini biasanya:

- Memaparkan iklan yang cukup menarik untuk mengumpan orang ramai supaya mendengar rancangan pemasaran mereka yang meyakinkan tetapi sebenarnya palsu
- Mempunyai ibu pejabat di luar negara
- Beroperasi di pejabat dan kemudahan IT yang canggih
- Menyediakan latihan kepada bakal pekerja mengenai prinsip dagangan dalam mata wang asing dan memberi latihan amali mengenai dagangan mata wang asing berasaskan transaksi andaian atau tiruan dalam suasana yang dikawal oleh pengendali. Biasanya kesemua transaksi yang dibuat akan menghasilkan keuntungan

**Jangan  
bersubahat  
membantu  
pengendali  
haram  
untuk menipu  
orang ramai**

- Mengambil pekerja berasaskan komisen dan mereka ini tidak diberi surat pelantikan secara formal atau kontrak yang menggariskan syarat-syarat pekerjaan

Sebelum seseorang pekerja memulakan urusan niaga, mereka dikehendaki mencari bakal pelabur dan mengambil deposit daripada mereka. Jika tidak, mereka mungkin akan dibuang kerja. Dalam kebanyakan kes yang dirujuk kepada Bank Negara Malaysia, pekerja yang gagal mencari pelabur akan bertindak meminjam wang daripada ibu bapa atau ahli keluarga masing-masing semata-mata untuk melabur.

### AMARAN UNTUK PELABUR

Pengusaha syarikat dagangan mata wang asing haram ini akan cuba meyakinkan para pelabur dengan:

- Mengatur strategi pemasaran mereka yang menjanjikan keuntungan yang tinggi dalam masa yang singkat

- Menampilkan imej yang profesional dan bereputasi dengan barisan pekerja yang berpakaian segar, keadaan pejabat yang bercirikan teknologi tinggi dan kemudahan IT yang terkini. Dalam sesetengah kes, pelabur juga dibenarkan untuk mengendalikan akaun mereka di Internet

- Dengan radas urusan niaga seperti skrin berita yang menunjukkan pergerakan dalam kadar pertukaran untuk memberi gambaran bahawa suatu perniagaan yang profesional dan sah di sisi undang-undang sedang dijalankan

Para pelabur boleh berdagang sama ada melalui akaun dagangan mereka dengan syarikat tersebut atau melalui wakil yang dilantik oleh syarikat. Pelabur adalah juga dikehendaki menandatangani satu kontrak urusan niaga yang biasanya adalah di antara pelabur dan syarikat induk. Dalam kebanyakan kes, pengusaha akan memaklumkan pelabur bahawa mereka akan perlu menghantar kontrak

tersebut ke ibu pejabatnya di luar negara. Walau bagaimanapun, biasanya kontrak ini dibiarkan tanpa ditandatangani. Dengan ini, sekiranya pelabur tidak berpuas hati dengan urus niaga yang dijalan, tiada tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat ini memandangkan tiada perjanjian yang mengikat mereka.

Daripada kes-kes yang dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia, terdapat dua senario bagaimana pelabur akan kehilangan wang mereka:

#### Senario 1:

Biasanya pelabur akan mendapat pulangan yang tinggi ke atas pelaburan permulaan mereka. Ini akan meyakinkan pelabur untuk menambah pelaburan supaya mendapat pulangan yang lebih tinggi lagi. Lama-kelamaan mereka akan kehilangan kesemua wang yang dilaburkan apabila pemilik syarikat menghilangkan diri secara tiba-tiba.

#### Senario 2:

Para pelabur yang telah mengalami kerugian akan diberitahu bahawa sentimen pasaran dijangka akan meningkat dan jika mereka menambah pelaburan, mereka akan mendapat balik wang mereka. Yang pastinya ini tidak akan berlaku dan mereka akhirnya akan kehilangan kesemua wang pelaburan mereka.

### **BAGAIMANA UNTUK MELAPORKAN SINDIKET DAGANGAN HARAM MATA WANG ASING**


Jika anda telah ditawarkan pekerjaan untuk mencari bakal pelabur atau anda sendiri telah diajak untuk melabur dalam skim pelaburan mata wang asing, silalah melaporkannya kepada:

Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing  
Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur

No. Telefon: 03-2698 8044  
samb. 8211 / 8233

No. Faksimili: 03-2691 3266





**Bank Negara Malaysia**  
sentiasa memantau kegiatan dagangan  
mata wang asing untuk mengesan  
kegiatan haram

## TINDAKAN KE ATAS PEDAGANG HARAM MATA WANG ASING

Bank Negara Malaysia sentiasa memantau kegiatan dagangan mata wang asing untuk mengesan kegiatan haram. Tindakan yang diambil adalah termasuk menjalankan serbuan dari masa ke semasa ke atas pengusaha haram oleh Unit Penyiasatan Bank Negara Malaysia. Wang yang disita semasa serbuan ini akan dirampas dan pengusaha akan dihukum mengikut saluran undang-undang.

## SOALAN YANG SERING DITANYA

**Apakah yang dimaksudkan dengan pengiriman wang?**

Pengiriman wang ialah cara penghantaran wang kepada seseorang yang berada di luar negara. Contohnya ialah penghantaran wang kepada anak yang sedang belajar di luar negara atau penghantaran wang oleh warga asing kepada keluarga di negara asal atau pembayaran yang dibuat untuk mengimport barangan dan perkhidmatan.

**Bolehkah saya menghantar wang kepada keluarga pembantu rumah saya di Indonesia?**

Ya, boleh. Penghantaran wang tersebut boleh dibuat melalui bank perdagangan, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional atau Pos Malaysia Berhad.

**Bolehkah pengurup wang berlesen menghantar wang bagi pihak pekerja asing dari Indonesia dan Bangladesh yang bermastautin di Malaysia ?**

Tidak boleh. Pengurup wang berlesen tidak dibenarkan untuk menyediakan perkhidmatan penghantaran wang di bawah Akta Pengurupan Wang 1998.

**Apakah perkhidmatan yang boleh diberi oleh pengurup wang berlesen?**

Pengurup wang berlesen hanya boleh memberi perkhidmatan:

- Membeli dan menjual mata wang asing sama ada dalam bentuk wang kertas atau duit syiling
- Membeli cek kembara

**Apakah risiko yang saya tanggung jika saya menghantar wang melalui peniaga mata wang yang tidak diberi kuasa?**

Jika anda menghantar wang melalui peniaga mata wang yang tidak diberi kuasa, anda mungkin menghadapi risiko bahawa wang anda tidak sampai ke destinasi. Tambahan lagi, anda tidak boleh mengambil tindakan terhadap peniaga mata wang ini kerana anda tidak mempunyai dokumen atau bukti urus niaga tersebut.

**Ke manakah boleh saya pergi untuk menukar mata wang asing?**

Anda boleh menukar mata wang asing dengan pengurup wang berlesen atau pedagang yang dibenarkan. Pedagang yang dibenarkan adalah terdiri daripada bank perdagangan termasuk kaunter biro pertukaran wang ('Bureau De Change') dan bank-bank Islam.

**Siapakah yang boleh menjalankan dagangan mata wang asing?**

Di Malaysia, hanya peniaga mata wang asing yang diberi kuasa dibenarkan berdagang di dalam mata wang asing.

**Saya telah dihampiri oleh sebuah syarikat yang mempelawa saya melabur di dalam mata wang asing. Kepada siapakah boleh saya merujuk untuk mendapatkan latar belakang syarikat ini?**

Anda boleh merujuk kepada:  
Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing  
Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
No. Telefon : 03-2698 8044  
samb. 8211 / 8233  
No. Faksimili : 03-2691 3266

## GLOSARI

### **Akaun Dagangan**

Akaun yang dibuka oleh peniaga untuk setiap pelabur. Akaun tersebut menunjukkan jumlah yang dilabur dan pergerakan dana pelabur melalui pembelian dan penjualan komoditi yang diperdagangkan, seperti mata wang asing.

### **Bank-bank Perdagangan**

Bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 oleh Bank Negara Malaysia.

### **Biro Pertukaran Wang**

Cawangan bank perdagangan yang menyediakan perkhidmatan pengurupan wang asing, penunaian kad kredit dan cek kembara. Cawangan kecil ini juga menyediakan perkhidmatan pengiriman wang.

### **Kiriman Wang**

Cara penghantaran wang kepada seseorang.

### **Mata Wang Asing**

Mata wang kertas dan syiling yang sah laku dalam mana-mana wilayah di luar Malaysia, tidak termasuk mata wang asing negara Israel dan Republik Persekutuan Yugoslavia (Serbia dan Montenegro).

### **Pengurup Wang Berlesen**

Pengurup wang yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Pengurupan Wang 1998.

NETHERLAND GUILDER	100	100.00	100.00
FRENCH FRANC	100	65.49	65.49
CANADIAN \$	100	25.12	25.12
NEW ZEALAND \$	100	16.76	16.76
SWEDISH KRONER	100	35.46	35.46
FINLAND MARKKA	100	6.48	6.48
BELGIUM FRANC	100	65.49	65.49
ITALIAN LIRE	1000	2036.27	2036.27
NORWEGIAN KRONE	100	47.56	47.56
DANISH KRONER	100	6.46	6.46
AUSTRIAN SCHILLING	100	35.40	35.40
SPANISH PESETA	1000	166.37	166.37
SOUTH AFRICAN RAND	100	36.48	36.48
CHINESE RENMINBI	100	97.83	97.83
NEW TAIWAN \$	100	140.34	140.34
INDIAN RUPEES	100	16.78	16.78
KOREAN WON	1000	200.48	200.48
PHILIPPINE PESO	100	7.06	7.06
PAKISTAN RUPEES	100	5.33	5.33

UNTUK MAKLUMAT LANJUT

SILA LAYARI

[www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my)

ATAU LAWATILAH KIOS KAMI DI BANK TERTENTU

